

## **KEKOSONGAN JAWATAN**

### **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (KPE), KOLEJ POLY-TECH MARA SDN. BHD.**

**Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd (KPTM)** adalah sebuah institusi pendidikan milik penuh MARA Corporation Sdn Bhd (MARA Corp) yang kini menawarkan 45 program pengajian di peringkat asasi, diploma, ijazah, pasca siswazah dan pengajian professional. KPTM beroperasi di 7 cawangan termasuk satu bertaraf Kolej Universiti iaitu Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur.

Kami sedang mencari calon yang dinamik dengan kelayakan sesuai dan berpengalaman luas dalam bidang berkaitan bagi mengisi jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif.

#### Tanggungjawab utama:

- Menggubal dan menyediakan pelan strategik korporat ke arah mencapai objektif KPTMSB
- Merancang sasaran kewangan syarikat KPTMSB
- Menentukan arah tujuan dan pencapaian syarikat yang selaras dengan objektif korporat KPTMSB

#### Kriteria dan terma:

Pemohon harus mempunyai kelayakan yang berikut :

- Warganegara Malaysia dan berumur tidak lebih dari 58 tahun pada tarikh tutup permohonan;
- Calon mesti mempunyai sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda atau setaraf dan memiliki sekurang-kurangnya lima belas (15) tahun pengalaman sebagai Pengurus Kanan Syarikat dalam industri yang sama;
- Calon mesti mempunyai kepakaran dalam Perancangan Korporat dan Strategi Perniagaan yang berasaskan korporat dan akademik, dan;
- Calon perlu berwawasan tinggi di samping mempunyai kepimpinan dan minda keusahawanan yang telah terbukti dengan berintegriti.
- Calon memiliki sifat-sifat kepimpinan yang cemerlang, berintegriti, komited dan berwawasan untuk menggerakkan dan membangunkan syarikat serta mempunyai semangat berpasukan yang kuat.

Jawatan ini berstatus **KONTRAK**.

#### Cara memohon:

Calon yang memenuhi syarat serta kelayakan di atas perlu mengemukakan resume/CV yang lengkap mengandungi maklumat peribadi, kelayakan akademik tertinggi (sertakan salinan sijil yang berkaitan), gaji yang dipohon dan sekeping gambar ukuran pasport terkini kepada:

#### **Jabatan Pengurusan Modal Insan Kumpulan**

MARA Corporation Sdn Bhd  
Tingkat 20, Menara MARA  
232 Jalan Tuanku Abdul Rahman  
50100 Kuala Lumpur

atau emelkan kepada:

**talent@maracorporation.com.my**

**HANYA CALON YANG DISENARAI PENDEK SAHAJA AKAN DIHUBUNGI**

Tarikh tutup permohonan : 1 Disember 2022